

**Raja Permaisuri Agong Terima Menghadap Dua Persatuan Wanita
Bernama
22 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah Hamidun Khamis berkenan menerima menghadap wakil-wakil dari Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPIIM) dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) di Istana Negara di sini.

LKPIIM diwakili 24 anggota Lembaga Pengarahnya terdiri daripada Yang Dipertuanya Tuanku Najihah Almarhum Tunku Besar Burhanuddin serta Naib Yang Dipertua Tunku Hajah Shahariah Almarhum Tuanku Abdul Rahman dan pengerusi-pengerusi LKPIIM setiap negeri.

Seri Paduka kemudian menerima menghadap sembilan anggota jawatankuasa tertinggi NCWO yang diketuai Presidennya Tan Sri Prof Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin.

Turut serta Naib-naib Presiden NCWO iaitu Datuk Faridah Khalid dan Datuk Ramani Gurusamy, Setiausaha Kehormat Datin Nursiah Sulaiman dan Bendahari Kehormat Datin Nadzley Noordin.

Hadir sama di majlis itu ialah anggota Jemaah Pemangku Sultan Kedah Datuk Seri Tunku Puteri Intan Syafinaz Sultan Abdul Halim.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654124>